

SUNNAH SUNNAH HARI JUMAAT

SUNNAH SUNNAH HARI JUMAAT

1

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَصَلِّ وَسَلِّمْ Berselawat kepada Nabi

Rasulullah SAW bersabda: "Perbanyaklah selawat kepadaku di hari Jumaat dan malam Jumaat. Barangsiapa membaca selawat untukku satu kali, maka Allah berselawat (memberi Rahmat) kepadanya sepuluh kali" Hassan, lihat : As-Sahihah Mukhtasarah (III/397, Asy-Syamilah).

2 Mandi Jumaat dengan Tatacara Mandi Jinabat

Waktunya boleh dilakukan setelah Subuh hingga azan Jumaat. Diriwayatkan dari Abu Said Al-Khudri bahawa Rasulullah bersabda: "Mandi hari Jumaat adalah wajib atas setiap muslim yang sudah baligh" (Riwayat Bukhari) (lafaz wajib menguatkan pendapat yang mewajibkan mandi Jumaat)

Dari Samurah bin Jundab, bahawa Rasulullah S.A.W. telah bersabda: "Barangsiapa hanya berwuduk di hari Jumaat, maka soleh dan baik, dan barangsiapa mandi, maka mandi itu lebih utama." Sahih, lihat: Sahih wa Dhaif Sunaan Tirmizi (I/497, Asy-Syamilah)



3 Memperbanyakkan Zikir dan Doa

Kerana pada hari Jumaat, terdapat saat-saat mustajab doa sepertimana yang diisyaratkan Rasulullah bahawa pada saat itu, ia tidak ditolak.

Asy-Syaukani berkata, "Nas-nas telah datang secara mutawatir bahawa pada hari Jumaat terdapat satu saat di mana tidaklah seorang hamba meminta sesuatu kepada Rabb-nya kecuali akan diberikan kepadanya".

Terdapat lebih 40 pendapat, tetapi Asy-Syaukani telah menghitungnya, dan dinukil dari al-Muhibb At-Thabari, bahawa ia berkata, "Paling Sahih di antara hadis-hadis yg menerangkan tentang hal ini adalah hadis Abu Musa bahawa ia mendengar Rasulullah bersabda: "Saat itu terjadi antara duduknya Imam (ketia khutbah Jumaat) sehingga solat (Jumaat) ditunaikan" (Riwayat Muslim)

Selepas waktu Asar sebelum Maghrib berdasarkan hadis Nabi :

يَوْمَ الْجُمُعَةِ ثَلَاثَةَ عَشْرَةَ سَاعَةً ، لَا يُوجَدُ فِيهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ يَسْأَلُ اللَّهَ شَيْئًا إِلَّا آتَاهُ إِأْدُهُ ، فَالْتَمِسُوهَا آخِرَ سَاعَةٍ بَعْدَ الْعَصْرِ
"Hari Jumaat ada 12 bahagian masa yang mana tiada seorang hamba muslim berdoa padanya kecuali akan diberikan (makbul), maka carilah ia di hujung waktu selepas Asar." (Riwayat Abu Daud)(Sahih)



RASULULLAH SALLALLAHUALAIHI WASALLAM SENTIASA BERDOA:

1. 'RABBANAA AATINAA FID DUN-YAA HASANAH WAFIL AAKHIRATI
HASANAH WAQINAA 'ADZAABAN NAAR

Wahai Rabb kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan akhirat, dan hindarkanlah kami dari siksa api neraka.' (HR. Bukhari: 5910)

Status hadith: Shahih

2. "RABBANAA AATINA FID DUNYA HASANATAN WA FIL AKHIRATI
HASANAH WAQIAN ADZABAN NAAR (Ya Allah berilah kami kebaikan di dunia dan di akhirat, dan lindungilah kami dari azab neraka)." (HR. Bukhari: 4160)

Status hadith: Shahih

3. "Ya Allah, Rabb kami, berikanlah kebaikan di dunia dan di akhirat, dan jagalah kami dari siksa neraka". (HR. Muslim: 4856)

Status hadith: Shahih

Wallahua'lam

KREDIT:DRROZAIMI